


'Hembusan Bayu' menyegarkan seni visual tempatan



**CATATAN
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS**

HARI Selasa yang lalu pelukis tempatan telah menyambut kedatangan seorang seniman arca terkenal tanah air kelahiran Tawau, Sabah di sebuah restoran di Laman Seni, Kota Kinabalu.

Sekitar waktu lapan malam, tetamu yang ditunggu datang diiringi oleh pengarah Balai Seni Lukis, Puan Jeniffer Linggi. Bayu Utomo Rajikin yang penulis kenali adalah seorang anak muda yang gigih berkarya dengan suntikan konsepsi yang mutakhir serta sangat prihatin terhadap alam sekitar.

Karya beliau siri Lang Kacang menggambarkan arca keluli dan seramik membentuk pahlawan Iban menjerit dan meraung mencari lawan atau meratapi peminggiran kaum mereka dalam kancang politik semasa.

Bayu berkelulusan dari Institut Teknologi Mara (kini UiTM) memilih bidang seni halus sebagai kursus kepakaran beliau. Istimewanya Bayu yang membesar di pekan Tawau berjaya meresapi alam semula jadi serta budaya tempatan dan seterusnya membentuk konsepsi setiap karya yang dihasilkan.

Berpandukan kepada pengalamannya yang tinggal

di kawasan pedalaman Sabah, Bayu merasakan bahawa Negeri di Bawah Bayu sangat kaya dengan seni dan budaya *indigenous* atau etnik yang boleh digarap menjadi intipati karya seni yang agung.

Sebagai contoh, semenjak menempa nama di persada seni tanah air, Bayu sentiasa mengutarakan karya yang segar dan bertenaga tinggi hanya merujuk kepada budaya tempatan.


Siri pamerannya yang terbaru 'Gejolak' bermaksud dinamik dan bertenaga. Perkataan melonjak atau melompat satu karya yang sangat sesuai mengenyahkan bentuk *figurative* tetapi menekankan kepada pergerakan atau unsur *gestural* seorang penari ataupun pencak silat yang dialaminya melalui perkongsian hidup bersama isteri, seorang pelakon dan penari serta bapanya seorang ahli pencak silat serta pelakon terkenal tanah air sekitar tahun lapan puluhan, Zulkifli Zain.

Melalui kehidupan dalam keluarga seni menambahkan lagi keupayaan beliau menjadi sangat prolifik dengan menghasilkan karya seni yang menggetarkan jiwa apabila khalayak menghayatinya, sebagai contoh karya dalam siri 'Apa ada dengan tengkorak' sangat bermakna kepada masyarakat tempatan.

Imej tulang dan belulang binatang seperti rusa atau payau pada masyarakat Sabah sebagai satu peringatan kepada kita bahawa alam semula jadi jangan dihancurkan kerana identiti Kumpulan Matahati.

Bayu sebagai seorang seniman yang prolifik sentiasa merujuk kepada pengalaman marhaennya agar kehidupan hening desa yang indah akan tetap utuh dan dijaga dari akibat pengaruh kemajuan yang tidak dapat ditahan sepertimana beliau merujuk kepada pengalamannya yang pahit terhadap pemusnahan flora dan fauna yang terlampaui di negeri kelahirannya.

Bayu sebagai seorang seniman yang prolifik sentiasa merujuk kepada pengalaman marhaennya agar kehidupan hening desa yang indah akan tetap utuh dan dijaga dari akibat pengaruh kemajuan yang tidak dapat ditahan sepertimana beliau merujuk kepada pengalamannya yang pahit terhadap pemusnahan flora dan fauna yang terlampaui di negeri kelahirannya.




BAYU Utomo (kiri) bersama Dr. Lokman Samad.

Sebagai seorang seniman yang prihatin terhadap karier seninya sejak meninggalkan pengajian tinggi, beliau berserta teman kuliahnya telah menubuhkan sebuah studio dan galeri di mana mereka bersama-sama bekerja dan memperkenalkan karya mereka.

Menurut Bayu, sejak memenangi Bakat Muda Sezaman anjuran Balai seni Lukis Negara pada tahun 1991, beliau merasakan kerjaya sebagai seorang pelukis tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Oleh sebab itu beliau mencari jalan sendiri untuk memperkenalkan diri berserta teman-temannya dan karya beliau di bawah identiti Kumpulan Matahati.

Perjuangan seni dan kekangan yang dilalui oleh Bayu Utomo selama lima tahun pertama berkarya sangat pahit dan getir bagi mengukuhkan prestasinya sebagai seorang pelukis yang berwibawa.

Kebanyakan galeri yang terdapat di ibu kota Kuala Lumpur pada masa itu tidak memberi ruang kepada pelukis untuk memperkenalkan karya pelukis muda pada masa itu. Untuk mengatasi masalah



ARCA siri Lang Kacang yang memperkenalkan Bayu kepada dunia seni lukisan.

tersebut Bayu dan kawannya terpaksa mencari projek yang menjana kewangan kumpulan mereka seperti membuat hiasan pentas teater, melukis mural, mengambil upah membuat ilustrasi dan sebagainya.

Bayu juga tidak lokek kepada pengalaman yang dilalui. Semasa sesi soal jawab, beliau telah berkongsi rahsia dan tip untuk berjaya dalam menjadikan seni lukis sebagai karier dan menempa nama dalam dunia seni lukis.

Menurut Bayu lagi, seorang pelukis perlu komited serta mempunyai ilmu serta pengalaman yang luas untuk bersaing bagi mencapai kejayaan yang berterusan. Di samping itu menurut beliau pelukis perlu bekerja keras dan mempunyai disiplin.

Mengambil contoh dirinya sendiri, beliau menghasilkan karya setiap hari dan apabila melakukan aktiviti melukis biasanya akan masuk ke studio mulai pukul sembilan pagi dan pulang pada waktu petang seperti juga seorang pekerja di pejabat.


Dengan cara ini menurut beliau lagi seseorang pelukis itu sentiasa berlatih dan menghasilkan karya yang berkualiti dari segi keterampilan dan idea.

Kedatangan Bayu Utomo

di kampung halamannya kali ini membawa bekal yang sangat diidamkan oleh peminat serta teman warga seni lukis tempatan. Beliau berkongsi bersama mereka bukan sahaja kejayaan bahkan pengalaman yang sangat berguna kepada mereka terutamanya ahli Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS) terutamanya anak muda yang sedang menempa nama.

Pendek kata, bayu yang bertupu sekurang-kurangnya bukan sahaja membangkitkan warga seni tempatan yang sedang mengelamun di dalam mimpi seni mereka. Usaha Bayu ini diharapkan dapat diikuti oleh ramai lagi pelukis asal tempatan yang telah berjaya menjadi idola dalam bidang seni masing-masing seperti Awang Damit, Yee I-Lan dan Amri Ginang yang dapat meniupkan semangat dan berkongsi rahsia kejayaan mereka agar dapat menjadi panduan kepada pelukis muda negeri Sabah.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



Karya Bayu siri 'Apa Ada Pada Tengkorak'.